

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MEI 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 13
SURAT

BNM ada banyak ruang turunkan kadar faedah

BISNES

BNM ada banyak ruang turunkan kadar faedah

Ahli ekonomi sifatkan data DOSM cerminkan persekitaran inflasi domestik stabil

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) diihat mempunyai ruang untuk melonggarkan dasar monetari dengan menurunkan kadar faedah selepas data Indeks Harga Pengguna (IHP) April menunjukkan tekanan inflasi domestik kekal terkawal, demikian menurut Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB).

Data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan inflasi keseluruhan kekal pada kadar 1.4 peratus tahun ke tahun pada April, sama seperti bulan sebelumnya, sejajar dengan jangkaan pasaran.

Inflasi pula meningkat sedikit kepada 2.0 peratus daripada 1.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Ahli Ekonomi HLIB, Felicia Ling, berkata data terbaharu men-

cerminkan persekitaran inflasi domestik yang stabil, memberikan lebih banyak ruang kepada BNM untuk melonggarkan dasar monetari.

"Walaupun unjuran inflasi kekal pada 2.7 peratus bagi tahun ini, terdapat risiko penurunan kepada unjuran ini berikutan tekanan permintaan yang sederhana serta harga komoditi global yang lebih lemah," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Pada mesyuarat terakhirnya, iaitu 8 Mei lalu, BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 3.0 peratus, tidak berubah selama 13 mesyuarat berturut-turut sejak Mei 2023.

Kenaikan inflasi teras pada April dipacu oleh peningkatan dalam perumahan, utiliti dan bahan api kepada 2.0 peratus tahun ke tahun, serta penjagaan peribadi yang melejonak 4.1 peratus.

Sebaliknya, kos komunikasi terus menyusut, tetapi dalam kadar lebih perlahan, iaitu 4.5 peratus berbanding 5.4 peratus pada Mac.

Indeks pengangkutan pula kekal stabil pada kadar pertumbuhan tahunan 0.7 peratus, disokong penurunan kecil dalam tambang pengangkutan awam dan pertumbuhan sederhana dalam kos operasi kenderaan persendirian.

Inflasi makanan turut mereda

kepada 2.3 peratus, didorong penurunan lebih besar dalam harga sayur-sayuran dan produk tenusu.

Inflasi 'makan di rumah' dan 'makan di luar' kedua-duanya mencatat penyusutan kecil berbanding bulan sebelumnya.

Kenaikan inflasi teras

Dari segi bulanan, IHP keseluruhan meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus pada April, disumbang oleh kategori seperti maklumat & komunikasi, penjagaan peribadi, serta perumahan dan rekreasi.

Mengikut data DOSM, inflasi perkhidmatan meningkat sedikit kepada 2.1 peratus, didorong kos penjagaan peribadi lebih tinggi. Semenara itu, inflasi untuk restoran & hotel, serta perkhidmatan kewangan kekal stabil.

Menurut HLIB, kenaikan segerhana dalam inflasi teras turut disokong oleh peningkatan dalam kategori perumahan, utiliti dan bahan api (2.4 peratus) serta penyusutan lebih perlahan dalam kos komunikasi.

Bank pelaburan itu menjangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan menyederhana kepada 4.0 peratus tahun ini, turun dari 5.1 peratus pada 2024, sejajar dengan unjuran permintaan yang lebih perlahan.

"Tambahkan pula, kadar pertukaran ringgit dijangka purata pada RM4.35 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sepanjang tahun ini, berbanding purata RM4.57 tahun lalu, sekali gus menunjukkan potensi ketabilan nilai mata wang tempatan," kata HLIB.

